



19 NOV, 2021

Pelancongan agro bawa impak positif

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

Pelancongan agro bawa impak positif

Johan Aziz

KENINGAU: Industri pelancongan dengan konsep pertanian atau pelancongan agro membawa impak sangat positif dalam meningkatkan taraf hidup, ekonomi dan peluang pekerjaan masyarakat luar bandar.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) Datuk Badrul Hisham Mohd berkata pengusaha pelancongan agro dan pengeluar produk pertanian hiliran daripada sumber tempatan dapat meningkatkan pendapatan menerusi kunjungan pelancong domestik dan luar negara.


"Mengisinya dengan aktiviti menarik seperti lawatan ke kebun buah, ladang ternak dan pusat pertanian boleh menarik pelancong," katanya selepas melawat Bukit Agudon di Kampung Agudon di sini semasa lawatan kerja dua harinya ke Sabah, baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Liawan Datuk Annuar Ayub, Timbalan Pengarah Fama Sabah (Pembangunan dan Korporat) Sebastian Chew, Penolong Pengarah Fama Khairul Azmi dan pegawai Mafi mengiringi Badrul Hisham dalam lawatan seharinya ke Keningau baru-baru ini.

Beliau berkata, menerusi kerjasama strategik yang terjalin antara Mafi dan Kementerian Pertanian dan Perikanan (MAFS), kawasan-kawasan yang memiliki potensi besar dijadikan sebagai tarikan pelancong akan ditingkatkan.

Badrul Hisham berkata kerajaan akan melaksanakan pembangunan infastruktur pelancongan agro berkesan menerusi bantuan pembangunan infrastruktur dan program insentif untuk menyokong industri dan menambah baik kualiti perkhidmatan dan akses ke pasaran lebih luas.

"Inisiatif pembangunan akan dilaksanakan di bawah program kerjasama strategik Mafi - MAFS untuk penyelarasan antara agensi yang lebih efektif dalam membantu industri tempatan membangunkan produk pelancongan agro lebih



19 NOV, 2021

Pelancongan agro bawa impak positif

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Johan Aziz KENINGAU; Industri pelancongan dengan konsep pertanian atau pelancongan agro membawa impak sangat positif dalam meningkatkan taraf hidup, ekonomi dan peluang pekerjaan masyarakat luar bandar. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mali) Datuk Badrul Hisham Mohd berkata pengusaha pelancongan agro dan pengeluar produk pertanian hiliran daripada sumber tempatan dapat meningkatkan pendapatan menerusi kunjungan pelancong domestik dan luar negara.